

# Tugas utama di abad 15H

## Dr Mahathir: Islam tak halang kemajuan

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru cerdik-pandai Islam menggunakan pendekatan baru dalam falsafah dan disiplin ilmu pengetahuan yang mengambil asas-asas dari Islam sendiri.

Menurutnya, perkara itu adalah cabaran kepada mereka dalam memenuhi tanggungjawab terhadap semangat Abad Ke-

15 Hijrah. Dalam perutusannya di buku cenderamata sempena Seminar Antarabangsa Islam dan Sains Sosial di sini Sabtu ini, Perdana Menteri berkata, ilmu pengetahuan yang berkembang di negara-negara bukan Islam telah memencilkan Islam dari arus perkembangan ilmu pengetahuan.

Di samping itu, ia juga mengasing dan memisahkannya dari pembangunan dan kemajuan yang berlaku, tambahnya.

"Ini telah menimbulkan kesan yang mendalam di kalangan cerdik-pandai, termasuk cendekiawan Islam sendiri, yang merasakan seolah-olah Islam bertentangan dengan kehendak ilmu pengetahuan moden dan sebagai perintang kepada pembangunan dan kemajuan," tegas beliau.

Syukur kita kerana perkembangan yang tidak sihat ini telah berubah dan masyarakat cerdik-pandai Islam telah sedar bahawa Islam bukan dan tidak pernah menjadi faktor penghalang kepada kemajuan dan pembangunan," katanya.

Seminar dua hari itu, membentangkan 10 kertas kerja dari para cerdik-pandai Islam tempatan dan luar negeri, dianjurkan oleh Persatuan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaysia.

Ini akan dihadiri oleh kira-kira 200 orang peserta dari dalam dan beberapa negara luar dan akan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin.

Seminar tersebut bertujuan memperkenalkan dan memberikan satu pendekatan baru kepada mahasiswa dan masyarakat tentang perkembangan Sains Sosial dari perspektif Islam.

Ia juga sebagai langkah pertama ke arah pewujudan satu kursus 'perspektif Islam' dalam Fakulti Sastra dan Sains Sosial, khususnya di Jabatan Antropologi dan Sosiologi dalam usaha merangka dan memperkenalkan kursus sosiologi dari pandangan Islam.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia